



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

21 MEI 2024 (SELASA)

## Penduduk Tertekan Lalat 'Serang' Flat

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	15	21 Mei



SEORANG penduduk menunjukkan ratusan lalat yang berjaya diperangkap di dalam rumahnya di Flat Taman Sintar Indah, Nibong Tebal semalam.

Pengurusan sisa ladang ayam lemah jadi punca

# Penduduk tertekan lalat 'serang' flat

Oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN

SEBERANG PERAI - Penghuni di Flat Taman Sintar Indah, Nibong Tebal di sini, kini semakin tertekan apabila terpaksa tinggal dalam keadaan dikelilingi ribuan lalat sehingga membataskan rutin harian mereka.

Serangan lalat secara 'bermusim' itu dikatakan semakin menjadi-jadi sejak awal bulan ini dan difahamkan masalah itu didakwa berpunca daripada pengurusan sisa yang tidak sistematis dari tiga ladang dipercayai ternakan ayam tidak jauh dari penempatan berkenaan.

Salah seorang penduduk, Shahirah Hashim, 25, berkata, kehadiran lalat yang terlalu banyak amat meresahkannya sekali



gus telah menjelaskan aktiviti harianya.

Menurutnya, sudah tiga kali kediamannya diserang lalat sejak menyewa di flat terbabit hampir sepuluh bulan lalu.

"Kita boleh lihat serangan lalat ini seolah-olah bermusim dan bulan ini (Mei), keadaan bertambah teruk."

"Ada kalanya sampai terasa-rasa seperti saya mengigit la-

lat ketika sedang makan atau minum, malah keadaan ini sudah berlarutan sejak sekian lama."

"Ibu dan bapa saya turut tinggal bersama dan situasi ini mengancam kesihatan mereka kerana lalat adalah serangga yang kotor dan boleh jadi penyakit lain pula," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, G. Sivapakiam, 61, pula merayu supaya tindakan segera diambil pihak berwajib bagi menangani masalah itu.

"Berhampiran kediaman ini memang ada ladang ternakan, malah kita harap sangat isu ini boleh diselesaikan secara baik."

"Kami bukan halang perniagaan orang, tetapi urus sisa supaya tidak susahkan orang lain," ujarnya.

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR